

1984
MAHATHIR - MULLAH

EMBARGO: UNTUK SSARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAMINI (30 OGOS).

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA)--- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMBIDAS GOLONGAN YANG INGIN MENEGAKKAN SISTEM PEMERINTAHAN MULLAH DI NEGARA INI DAN MENEGASKAN BAHAWA PEMERINTAHAN MULLAH BUKAN ISLAM, BAHKAN BERTENTANGAN DENGAN ISLAM.

PERDANA MENTERI MAH" RAKYAT BERWASPADA DAN MENGAWASI ORANG-ORANG ITU YANG CUBA MEMBAYANGKAN SISTEM PEHERINTAHAN MULLAH SEBAGAI SISTEM ISLAM DALAM "SAHA MEREKA HENDAK HENEGAKKAN SISTEM TERSEBUT DI NEGARA INI.

+SEBENARNYA PEMERINTAHAN MULLAH BUKAN ISLAM, BAHKAN BERTENTANGAN DENGAN ISLAM.

+IADIBENTUK BEBERAPA KURUN SECEPAS WAFAT NABI MUHAMMAD DAN KHALIFAH AL-RASYIDIN DI ZAMAN KEMEROSOTAN ISLAM YANG MANA IA BERASASKAN KEPADA RASA FANATIK, + JELASNYA DALAM PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN KE-27 NEGARA MELALUI RADIO DAN TELEVISION MALAYSIA.

DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA SISTEM ITU ADALAH SATU JENIS DIKTATORSHIP YANG DIDOKONG OLEH SEKUMPULAN ORANG YANG TERTENTU YANG TAMAKKAN KUASA. --LAGI

MAHATHIR - MULLAH 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SEBAB ITU KITA HARUS BERWASPADA DAN MENGAWASI ORANG-ORANG YANG DENGAN LANTANG HENGGUNA DEMOKRASI UNTUK MENEGAKKAN SISTEM YANG AKAN MENAMATKAN DEMOKRASI.

+MEREKA INI INGIN MENEGAKKAN PEMERINTAHAN OLIGARKI, KOMUNIS ATAU SISTEM PEMERINTAHAN MULLAH YANG MEREKA CUBA BAYANGKAN SEBAGAI SISTEM ISLAM, + TAMBAHNYA.

MENURUT PERDANA MENTERI, GOLONGAN ITU INGIN SUPAYA HEREKA BOLEH BERMAHARAJALELA MENGHUKUM DAN MENJALANKAN HUKUMAN TANPA PENGADILAN, YANG TERATUR.

+SEGALA SISTEM DAN PERATURAN YANG TIDAK MENDEWA-DEWA DAN MENCANTOHI SISTEM MULLAH DIANGGAP SEBAGAI TIDAK ISLAM DAN SEKULAR OLEH MEREKA, + KATANYA DALAM UCAPANNYA YANG JELAS DITUJUKAN KEPADA PAS.

DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA SUDAH PUN BERMULA DENGAN MENGKAFIRKAN ORANG ISLAM DENGAN SEWENANC-WENANGNYA MEMULAU DAN MENCACI-CERCA SESXAPA YANG TIDAK TERIMA TAFSIRAN MEREKA. ---LAGI

1219MST 30 08 84

D941

R B679 DEB

MAHATHIR - MULLAH 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+MEREKA INGIN MEMAKSA SEMUA KAUM DAN PENGANUT AGAMA SUPAYA TUNDUK KEPADA MEREKA. HARI INI MEREKA MENGGUNAKAN DEMOKRASI UNTUK MENDAPAT SOKONGAN. +

TETAPI BELIAU BIMBANG APABILA SUDAH MENDAPAT KUASA, MAKA MEREKA BUKAN SAHAJA AKAN MENGHAPUSKAN DEMOKRASI TETAPI MEREKA AKAN MENINDAS SEMUA RAKYAT DENGAN PEHINTAHAN MULLAH;

DR. MAHATHIR MINGGATKAN +DALAM ISLAM TIDAK ADA ORANG PERANTARAAN DAN TIDAK ADA ORANG YANG MAKSUMANTARA "MMAH DENGAN TUHAN. +

PERDANA MENTERI JUGA MEMPERTAHANKAN DEMOKRASI AMALAN KERAJAAN SEKARANG YANG BERASASKAN KEPADA SISTEM BARAT DENGAN MENGATAKAN BAHAWA SEMUA RAKYAT TELAH MENGAKUI BAHAWA SISTEM ITU BAIK KERANA RAKYAT BERPELUANG MENENTUKAN SIAPA YANG AKAN MENTADBIRKAN NEGARA.

+DALAM USAHA KITA MENINGKATKAN TARAF HIDUP KITA DAN KEBAHAGIAAN KITA, KITA TIDAK PERLU MENGGUGURKAN SEMUA SISTEM SEMATA-MATA KERANA IANYA SERUPA DENGAN YANG DIAMALKAN OLEH PENJAJAH DAHULU, + JELASNYA.

INI ADALAH SEBAGAI MENJAWAB TUDUHAN PAS KONONNYA SISTEM PENTADBIRAN KERAJAAN YANG DICANTOHI DARIPADA PENJAJAH ADALAH BERTENTANGAN DENGAN ISLAM DAN OLEH DEMIKIAN KERAJAAN ADALAH KAFIR. --LAGI

1231MST 30 08 84

MAHATHIR - MULLAH 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+ KITA PERLU PILIH YANG MANA BOLEH MEMBAWA MANFAAT DAN YANG MANA YANG AKAN MEMBAWA MUDARAT. DEMOKRASI JELAS LEBIH BAIK DARIPADA SISTEM FEUDAL ATAU OTOKRATIK DI MANA PENDERITAAN MAJORITI RAKYAT MUNGKIN TIDAK DISEDARI OLEH PEMERINTAH. +

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA DEMOKRASI TIDAK MENDATANGKAN KEBAIKAN SEMATA-MATA KERANA SISTEMNYA BAIK MALAHAN BANYAK NEGARA YANG CUBA MENGAMALKAN DEMOKRASI TELAH GAGAL KERANA KELEMAHAN-KELEMAHAN LAIN.

KATANYA, SEBENARNYA DEMOKRASI MEMERLUKAN SATU SIKAP YANG SESUAI DARIPADA PENGAMALNYA DI SEMUA PERINGKAT.

KEBEBASAN YANG DIBERI OLEH DEMOKRASI BUKANLAH TIDAK TERBATAS TETAPI KEBEBASAN DEMOKRASI. IALAH SEKADAR IANYA AKAN MEMBELARAKYAT.

+ JIKA KEBEBASAN INI DIAMAL TANPA TANGGUNGJAWAB TERHADAP KENTETERAMAN DAN KEAMANAN ATAU KEBEBASAN, JIKA IADIGUNA UNTUK MEREbut KUASA BAGI MENGHAPUSKAN DEMOKRASI, MAKA KEBAIKAN DEMOKRASI ITU SENDIRI BOLEH MEMBAWA KECELAKAAN. + -- LAGI

MAHATHIR - MULLAH 5 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENGXNGATKAN DEMOKRASI JUGA TIDAK BOLEH MEMBAWA KEBAHAGIAAN SEMATA-MATA KERANA RAKYAT BOLEH MEMILIH KERAJAAN YANG AKAN MEMERINTAH.

INI ADALAH KERANA KUASA MEMILIH, SEPERTI JUGA LAIN-LAIN KUASA BOLEH MENDEDAHKAN RAKYAT KEPADA RASUAH.

+ KITA MUNGKIN MEMAKSA KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG TIDAK BIJAK SEMATA-MATA KERANA KEPENTINGAN JANGKA-PENDEK KITA. DEMIKIANLAH DENGAN TUNTUTAN-TUNTUAN YANG KETE'RLALUAN YANG DIBUAT TERHADAP KERAJAAN.

+ KITA TAHU BAHAWA JIKA TUNTUTAN-TUNTUTAN ITU DILAYAN, NEGARA DAN KITA SENDIRI AKAN MENDAPAT AKIBAT YANG BURUK AKHIRNYA. TETAPI KERANA KITA TAHU KITA BOLEH MEMBERI KEMENANGAN ATAU MENGALAHKAN KERAJAAN DALAM PILIHAN RAYA, KITA BUAT JUGA TUNTUTAN.

+ AKHIRNYA AKAN BINASALAH NEGARA. AKAN HANCURLAH DEMOKRASI. AKAN RUGILAH KITA. SEKALI LAGI DEMOKRASI BOLEH MEMBAWA KEBURUKAN WALAPUN ASASNYA BAIK. + KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI

BERKENAAN PEMBANGUNAN DALAM DEMOKRASI, DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN SENDIRINYA, DEMOKRASI TIDAK DAPAT MEMBANGUNKAN NEGARA.

DEMOKRASI CUMA MEMBERI LEBIH KEMUNGKINAN SUPAYA RAKYAT BOLEH MEMBANGUNKAN NEGARA.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA SETELAH 27 TAHUN MERDEKA BILANGAN RAKYAT YANG BERSYUKUR TENTANG NIKMAT KEMERDEKAAN YANG MEMBOLEHKAN MEREKA MEMERINTAH DAN MENENTUKAN NASIB SENDIRI TELAH BERKURANGAN.

KAYANYA, SEKARANG HAMPİR 60 PERATUS DARIPADA PENDUDUK MALAYSIA TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG DILAHIRKAN SELEPAS MERDEKA DAN OLEH KERANA TIDAK PERNAH MERASAI PAHIT MAUNG HIDUP DIJAJAH, RAMAI DARIPADA GOLONGAN MUDA INI TIDAK LAGI TAHU BERSYUKUR.

MEREKA MENGGANGAP KEMERDEKAAN NEGARA SEBAGAI PERKARA-BIASA SAHAJA DAN BUKAN SATU NIKMAT DARIPADA TUHAN. -- LAGI

1309HST 30 08 84

MAHATHIR - MULLAH 7 KUALA LUMPUR

+OLEH ITU MEREKA TIDAK LAGI MEMPUNYAI SEMANGAT KEBANCSAAN YANG M A N 4 SEMANGAT INILAH YANG BERJAYA MENJADIKAN MEREKA RAKYAT YANG MERDEKA. MEREKA SEBALIKNYA MENCACI PEJUANG-PEJUANG KEMERDEKAAN DAN MEMPERKECILKAN PENCAPAIAN NEGARA SENDIRI. +

+OLEH ITU MARILAH KITA HIDUPKAN SEMULA SIFAT-SIFAT YANG MULIA, DAN TIDAK MENIDAKKAN NIKMAT YANG TELAH KITA TERIMA. MUDAH-MUDAHAN KITA AKAN TERUS MERDEKA SUAT SELAMA-LAMANYA, + TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR MENGINGATKAN WARGA NEGARA MALAYSIA BAHAWA MEREKA HARUS BERSYUKUR KERANA KEMERDEKAAN TIDAK MEMBAWA BERMACAM MALAPETAKA, SERANGAN NEGARA LAIN ATAU PEPERANGAN SAUDARA SEPERTI YANG SERING BERLAKU KEPADA BEBERAPA NEGARA LAIN.

KATANYA, PADA WAKTU INI TERDAPAT BANYAK BANGSA DAN NEGARA YANG DIJAJAH DAN DITINDAS DENGAN KEJAM, SEHINGGA HERAPKALI MEREKA TERPAKSA MEMBERONTAK MELAWAN BANGSA YANG MENINDAS MEREKA WALAUPUN BANGSA ITU MENGANUTI AGAMA YANG SAMA.

+KADANG-KADANG KITA DAPATI MASYARAKAT YANG DIJAJAH ITU DIPISAH DARI PADA AGAMA, KEBUDAYAAN DAN BANGSA MEREKA. AKHIRNYA SATU JENIS GENOCIDE BERLAKU DI MANA YANG DIJAJAH TELAH HILANG IDENTITI MEREKA DAN DENGAN ITU HILANG DARI MUKA BUMI INI SUAT SELAMA-LAMANYA. + LAGI

MAHATHIR - MULLAH 8 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT MALAYSIA AMAT BERNASTI BAK KERANA SETELAH MERDEKA, MEREKA DAPAT MENGHIDUPKAN SEMULA IDENTITI KAUM, 4 G A M 4 DAN BANGSA, DAPAT HIDUP BERHARMONI SERTA MEMBANGUNKAN NEGARA.

+SESIAPA YANG TIDAK BERSYUKUR DENGAN KEADAAN DI MALAYSIA, TENTULAH TIDAK TAHU MENGENANG BUDI DAN INSAF. +

WALAUPUN ADA PERSELISIHAN FAHAM DAN PERPISAHAN ANTARA KAUM, KEADAAN TIDAK SEBEGITU BURUK SEHINGGA MENCETUSKAN HURU-HARA

DR. MAHATHIR MENGAKUI BANYAK LAGI YANG PERLU DIBUAT UNTUK MENJADIKAN KEHIDUPAN RAKYAT LEBIH SELESA, MENGADAKAN BERMACAM-MACAM KEMUDAHAN, MENINGGIKAN PENDAPATAN DAN MENAMBAHKAN PELUANG

+KITA MAHUKAN SEMUANYA DENGAN SERTA-MERTA TETAPI KITA JUGA BERFIKIRAN WARAS DAN KITA TAHU INI TIDAK MUNGKIN TERCAPAI. KITA TERPAKSA MENINGGIKAN TARAF HIDUP KITA SECARA BERANSUR-ANSUR, + PESAN DR. MAHATHIR. --BERNAMA